

E-BULETIN
EDISI
2023



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau



e-BULETIN
2023

FAKULTI
PENGURUSAN
& PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU



BINDING”/PEGUKUHAN - JERI: PENUTUP SESI LATIHAN DAN KURSUS MOTIVASI PELAJAR ATAU REMAJA

Latihan kursus motivasi hanyalah sebagai pemangkin atau sebagai “refresh” bagi merangsang setiap ahli untuk menjadi bertambah baik di masa akan datang serta istiqamah berkekalan dengan nilai kebaikan samada ditambah dan/atau dari nilai yang telah sedia ada dalam diri seseorang peserta. Jepun menyebut sebagai “kaizen” iaitu sentiasa berubah kearah lebih baik dari sebelumnya.

Ucapan dari Ali Abi Thalib iaitu: *“Barangsiapa yang harinya sekarang lebih baik daripada semalam maka dia termasuk orang yang beruntung. Barangsiapa yang hari ini sama dengan semalam maka dia adalah orang yang merugi. Barangsiapa yang harinya sekarang lebih jelek daripada harinya semalam maka dia terlaknat.”*

Bagi sesebuah program latihan dimana-mana sahaja di dunia akan di mulakan dengan sesi memperkenalkan diri supaya aktiviti seterusnya menjadi lebih mudah mesra dikalangan setiap ahli di samping di ingatkan untuk sentiasa menjaga adab dan tatasusila agar tidak melampaui batasan berinteraksi sepanjang aktiviti berjalan.

Mengikut kaedah Islam, bila berusrah atau berkursus berkumpulan kaedahnya mengikut taaruf, tafahum dan takaful.

Taaruf pentingnya berkenalan sebab kerana setiap ahli mempunyai latarbelakang yang berbeza. Perkenalan biasanya di kaitkan dengan teori “Tingkap Johari” dengan menyingkap setiap 4 ruang tingkap peribadi dan teori “bongkah airbatu” iaitu ada sifat yang positif bagi setiap ahli kursus yang boleh di timbulkan seperti bongkah airbatu dinaikkan permukaan air. Tafahum bererti saling sangat kenal menjadikan setiap langkah dan keputusan menjadi lebih mudah kerana sudah kenal kekuatan dan kelemahan diri individu masing-masing, bak kata pepatah “tak kenal maka tak cinta”.

Takaful ertinya saling memberi dan berkongsi, kerana apabila ahli ada masalah menjadi lebih mudah sesama membantu dan saling sokong-menyokong.

Langkah seterusnya aktiviti disusuli dengan pelbagai pendekatan permainan atau “games” sebagai alat bagi merangsang minda dan deria untuk menjadi lebih peka terasa dari dalam diri untuk berubah kearah yang lebih baik.

*Zailani bin Shafie,
Nurhidayah bt
Nasharudin & Faddliza
bt Mohd Zaki*

*Pengajian Sains Maklumat,
Kolej Pengajian
Pengkompoteran, Informatik
dan Media*

*UiTM Cawangan Negeri
Sembilan Kampus Rembau*

Minda intelek (I) digerakkan berfikir apa yang tersurat dan tersirat dalam permainan yang dibuat, jasad (J) sentiasa diaktifkan bergerak kadang-kadang bersifat ekstrim bentuknya bagi merangsang tindakan boleh berkerjasama dan bersungguh-sungguh, emosi (E) dijana untuk menjadi lebih bersabar kearah positif dan berhemah manakala roh (R) akan menjadikan diri lebih tenang dan redha dengan semua ujian. Semuanya deria diaktifkan dan terbungkil dijelmakan dalam aktiviti-aktiviti permainan tersebut. Natiujahnya jika semua JERI bertindakbalas, diharapkan;

1. Sikap dan nilai ditambahbaik bagi setiap diri individu ahli kumpulan
2. Kesedaran menyumbang kepada organisasi kearah lebih baik dari sebelumnya
3. Kebaikan kepada diri sendiri dan organisasi

Setelah menjalani proses aktiviti atau “games” dalam beberapa sesi latihan kursus motivasi akhirnya WAJIB dilakukan sesi penutup dengan sesi yang diberi nama pengukuhan atau “binding”. Kesan psikologinya yang buruk atau mengundang musibah yang amat besar jika sesi ini diabaikan tidak dilakukan apabila seseorang peserta kursus melalui sesuatu kursus latihan motivasi ini.

Pengukuhan/”Binding”

Aktiviti sesi terakhir sebagai kemuncak atau klimak kepada sesuatu program Latihan motivasi disebut sebagai Pengukuhan atau “Binding” iaitu kesan kesedaran dalaman, berikrar berjanji untuk berubah kepada yang lebih baik dari sebelumnya, merapatkan kembali saf dan mengikat kembali hati2 setiap ahli dari dalam kumpulan setelah sekian lama berkampung dan bersama sepanjang kursus samada dalam kumpulan besar mahupun juga dalam kumpulan yang kecil.

Aktiviti “recall” atau ulangtayang dengan menyebut diri ibubapa atau orang-orang yang penting hidup seseorang akan menimbulkan kesedaran yang tinggi dan termotivasi untuk berubah kepada yang lebih baik. Aktiviti yang mengungkit kembali orang-orang penting ini seperti ibubapa yang pernah bersusahpayah menghidup dan mendidik anak-anak untuk menjadi manusia.

Diungkapkan ibu dengan segala tindakan, kesusahan dan usaha ibu sejak dari melahirkan kita, berkorban apa sahaja untuk jadikan setiap anaknya itu sebagai manusia berguna. Disebut nama ayah yang berusaha keras dengan titik peluh bekerja untuk bangunkan keluarga dan anak-anak untuk menjadi manusia berguna dan tahu berterimakasih.

Seorang yang pakar sahaja yang mampu dan dibenarkan untuk mengendaikan sesi akhir sebegini. Aktiviti recall ini berjalan pada suasana yang tenang dan persekitaran yang kondusif seperti dalam gelap atau kelim dan tidak diganggu dengan persekitaran yang aman tiada bunyi kenderaan dan suara2 manusia.

Air mata

Perlu airmata dalam menyatakan keinsafan dan kesedaran dalam diri. Airmata adalah manifestasi kesan kesedaran dalaman pada diri seseorang. Sesi terakhir kursus latihan bagi menimbulkan semua kesan-kesan positif yang telah dipelajari.

Bab 54 Kitab Riyadhus Salihin menungkap khas tentang “menangis” iaitu “Bab Keutamaan menangis kerana takut kepada Allah dan rindu kepada Allah” dan ada hadith Riwayat oleh Imam Al-Baihaqi dan Ibnu majjah bahwa Raulullah Saw. meminta pembaca Alquran pura-pura menangis jika tidak mampu menangis dengan sendirinya.

لَنْ هَذَا الْقُرْآنَ نَزَلَ بِخُزْنٍ فَإِذَا قَرَأْتُمُوهُ فَابْكُوا فَإِنْ لَمْ تَبْكُوا فَتَبَاكُوا

Artinya: *Sesungguhnya Alquran ini diturunkan dengan kepedihan, jika kalian membacanya, maka menangislah, jika tidak bisa menangis, maka pura-puralah untuk menangis. (Ibnu majjah, Sunan Ibn Majjah, hal.424).*

Dan lagi Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari yaitu “Dan sesungguhnya amalan yang paling dicintai Allah adalah amalan yang dikerjakan secara berkekelan walaupun sedikit.”

Persoalannya adakah faktor airmata sebagai pengukur nilai keinsafan atau perubahan sadar diri untuk berubah kearah yang lebih baik dari sebelumnya? Allah swt sebagai Tuhan dan Rasulullah sebagai Rasul dan Nabi terakhir sememangnya sebagai seorang Islam kita berjanji ikrar syahadah walau apapun terjadi. Penyedarkan menyegarkan kembali janji kepada ibuyah yang pernah kita buat secara langsung dan tidak langsung untuk menjadi anak yang soleh dan tidak engkar kepada ibuyah sebagai modal “binding” untuk berusaha bersungguh-sungguh dan sebagai kekuatan dalam diri untuk berjaya.

Faktor air mata setiap ahli yang ditumpahkan bukan syarat ukuran kejayaan faktor kejayaan bagi sesuatu kursus latihan motivasi yang dijalankan tapi memang diharapkan dengan kursus yang pendek sebegini menjadi titik perubahan kepada setiap diri ahli peserta yang mengikuti kursus sebegini.